

Headline	RM10j selenggara pencawang rosak		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	33
ArticleSize	167 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,290		



RM10j selenggara pencawang rosak

Kuantan: Kira-kira RM10 juta diperuntukkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi menjalankan kerja penyelenggaraan pencawang dan stesen jana kuasa yang mengalami kerosakan akibat bencana banjir di negeri Pantai Timur dan Johor, awal bulan ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, kos itu membabitkan kerja menaik taraf dan menukar alat ganti stesen berkenaan yang rosak.

"Dalam kejadian banjir, baru-baru ini banyak pencawang TNB terjejas teruk di negeri ini berbanding di Terengganu dan Kelantan iaitu sebanyak 1,299 pencawang tenggelam termasuk pencawang masuk utama Kuantan Utara.

"Berikutan paras air luar biasa, kami terpaksa memu-

“Berikutan paras air luar biasa, kami terpaksa memutuskan bekalan elektrik selama 10 jam kepada kira-kira 76,000 pengguna bagi mengelakkan sebarang insiden tidak diingini”
Mahdzir Khalid

tuskan bekalan elektrik selama 10 jam kepada kira-kira 76,000 pengguna bagi mengelakkan sebarang insiden tidak diingini," katanya selepas menyaksikan Majlis Penyerahan Sumbangan TNB Kepada Kerajaan Pahang di

Kompleks Yayasan Pahang, di sini, semalam.

Pada majlis itu, TNB yang diwakili Pengurus Besar Kanan, Hal Ehwal Korporat dan Komunikasinya Datuk Mohd Aminuddin Mohd Amin menyampaikan sumbangan RM250,000 kepada Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yakob untuk Tabung Bencana Banjir negeri.

Sementara itu, Mohd Aminuddin berkata, sumbangan berkenaan tambahan kepada RM3.25 juta yang sudah dibelanjakan syarikat berkenaan bagi penyediaan 40 set jana kuasa bagi menyalurkan bekalan elektrik sementara ke kawasan terjejas akibat banjir di negeri ini.

Katanya, selain bantuan itu, TNB turut menghulurkan bantuan keperluan harian seperti beras, minyak masak dan barangan lain dianggarkan

bernilai RM20,000 kepada pusat pemindahan banjir.

Dalam pada itu, Adnan merakamkan ucapan terima kasih kepada TNB dan berharap bantuan itu dapat meringankan beban penduduk yang terjejas akibat banjir.

"Kesan akibat banjir yang berlaku, baru-baru ini, amat besar dan ramai penduduk terpaksa memulakan kehidupan mereka semula seolah-olah tidak memiliki apa-apa kerana kerugian dialami amat di luar jangkaan.

"Diharapkan, bantuan daripada syarikat korporat seperti TNB ini sekurang-kurangnya dapat membantu mereka. Kerajaan Pusat akan memberikan wang ihsan RM500 dan kerajaan negeri akan menambah RM250 lagi, kita akan tengok jika ada bantuan lain yang boleh dihulurkan kemudian," katanya.